

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 JUNE 2017

Dakwaan Dr. M tidak berasas

um-18/6/2017 pg.3

KUALA LUMPUR 17 Jun - Dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak memperuntukkan dana seperti dijanjikan kepada Proton Holdings Bhd. (Proton) disifatkan sebagai tidak berasas.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, daripada jumlah pinjaman mudah sebanyak RM1.5 bilion, sebanyak RM1.25 bilion sudah diberikan kepada syarikat kereta nasional itu, yang sebahagian besar digunakan untuk menyelesaikan bayaran tertunggak kepada vendor mereka.

Malah, kata beliau, baki sejumlah RM250 juta akan diperuntukkan dalam tempoh seminggu lagi.

“Selain itu, seperti diumumkan oleh Menteri Kewangan II, kerajaan akan membayar balik geran penyelidikan bernilai RM1.1 bilion kepada Proton apabila perjanjian terakhir dengan syarikat China, Zhejiang Geely Holding Group Co., Ltd (Geely) ditandatangani pada 1 Julai ini.

“Banyak pihak yang mempertikaikan mengenai masa depan Proton berikutan hasil kerjasama

dengan Geely baru-baru ini. Terlalu awal untuk membuat kesimpulan namun beberapa petunjuk menunjukkan ia menjurus kepada masa depan lebih cerah mengambil kira rekod pencapaian Geely dalam memulihkan semula syarikat Volvo.

“Bagaimanapun, apa yang kita ketahui adalah tanpa pinjaman mudah RM1.5 bilion daripada kerajaan, masa depan Proton mungkin lebih mencabar,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir menerusi blog beliau Chedet.cc mendakwa bantuan Kerajaan Persekutuan tidak diperuntukkan kepada Proton selain mendakwa keputusan menjual saham Proton didorong oleh dendam sehingga mengabaikan soal maruah negara.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, kerajaan tidak boleh terus membantu Proton pada setiap masa apabila berhadapan dengan masalah kewangan, justeru atas faktor tersebut, pinjaman mudah



MUSTAPA MOHAMED

sebanyak RM1.5 bilion telah dibuat tertakluk kepada Proton menerima rakan strategik asing.

“Saiz pasaran automotif negara kini semakin berkembang dengan kira-kira 600,000 unit dikeluarkan setiap tahun dan bagi mana-mana syarikat untuk berjaya,

mereka perlu memenuhi skala ekonomi tersebut. Proton membawa beberapa pelan promosi eksport dalam tempoh lima tahun lalu. Malangnya, tidak ada satu hasil pun menjadi kenyataan.

“Langkah menjalin kerjasama dengan Geely merupakan keputusan komersial yang dilakukan demi kepentingan terbaik untuk Proton mengambil kira pelbagai faktor termasuk manfaat daripada teknologi, kemudahan penyelidikan dan pembangunan serta suntikan dana Geely.

Justeru, kata beliau, adalah tidak wajar komitmen kerajaan yang mahu Proton berjaya dilabel oleh Dr. Mahathir sebagai tindakan ‘balas dendam’.